

Kadar jenayah catat penurunan

KAMPUNG ENDAH – Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Kuala Langat memainkan peranannya dengan mengadakan program kejiranan yang berkonsepkan polis dan masyarakat iaitu Kepolisan Masyarakat.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superitendan Mohamad Radzi Ishak berkata, Kepolisan Masyarakat adalah merupakan cara muhibah untuk memastikan bahawa kawasan kejiranan selamat dan bebas daripada kegiatan perlakuan jenayah.

“Jika diteliti dari indeks jenayah 2008 berbanding 2007, daerah ini ada sedikit penurunan iaitu pada Januari hingga Disember 2007 sebanyak 1,653 kes dan Januari hingga Disember 2008 sebanyak 1,444 kes iaitu menurun se-

banyak -12.64 peratus.

“Keadaan semasa ini memang agak terkawal dan tidaklah membimbangkan dari aspek jenayah iaitu jenayah kekerasan mahupun jenayah harta benda,” katanya ketika berucap sempena Majlis Perjumpaan dan Sesi Dialog bersama IPPD Kuala Langat dan Persatuan Penduduk Kampung Endah di Dewan Jubli Emas dekat sini.

**selamat
bebas**

Hadir sama, Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Langat,

Rizani Che Ismail.

Selain itu Mohamad Radzi berkata, konsep Kepolisan Masyarakat akan membantu dalam penurunan indeks jenayah yang dilaksanakan dengan inisiatif masyarakat dengan kesadaran sendiri atau sukarela dan tanpa sebarang paksaan selain diuruskan



● Mohamad Radzi memberi penerangan pada Majlis Perjumpaan dan Sesi Dialog bersama IPPD Kuala Langat dan Persatuan Penduduk Kampung Endah di Dewan Jubli Emas.

sendiri serta dibantu oleh pihak polis dalam bentuk nasihat atau pandangan.

“Pelaksanaan konsep ini dapat menggerakkan kelompok masyarakat kawasan kediaman dan secara

tidak langsung ia dapat memberikan kesedaran kepada komuniti tersebut berkaitan tanggungjawab bersama dalam mencegah jenayah,” katanya.

Mohamad Radzi ber-

harap masyarakat akan mewujudkan kerjasama dengan menyalurkan maklumat kepada pihak polis sekiranya mendapat maklumat berkaitan kes jenayah supaya dapat diatasi

dengan segera.

Menurutnya, apabila seseorang itu prihatin terhadap jenayah, ia akan bertindak secara positif untuk mengurangkan peluang terjadinya kejadian tersebut.